

**Memupuk Kemahiran Auditorik dan Kinestetik  
Pelajar Sekolah Rendah Melalui Teater Tradisional Mak Yong**

**Cultivating Primary School Students Auditory and Kinesthetic Skills  
Through Mak Yong Traditional Theatre**

Mardiana Ismail<sup>1\*</sup>  
[mardiana.ismail@fmsp.upsi.edu.my](mailto:mardiana.ismail@fmsp.upsi.edu.my)

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Syarul Azlina Sikandar  
[syarul364@uitm.edu.my](mailto:syarul364@uitm.edu.my)

Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM, Malaysia

Muhammad Faisal Ahmad  
[mfaisal@fmsp.upsi.edu.my](mailto:mfaisal@fmsp.upsi.edu.my)

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

**Published:** 30 December 2023

**To cite this article (APA):** Ismail, M., Sikandar, S. A., & Ahmad, M. F. (2023). Memupuk Kemahiran Auditorik dan Kinestetik Pelajar Sekolah Rendah Melalui Teater Tradisional Mak Yong. *PENDETA*, 14(2), 201–208. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.16.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.16.2023>

### **ABSTRAK**

Makalah ini merupakan satu tinjauan mengenai adakah pelajar sekolah rendah mempunyai minat dan bakat terhadap persembahan Teater Tradisional Mak Yong? Persoalan ini seringkali dijadikan tembok untuk melestarikan persembahan Teater Tradisional Mak Yong. Oleh itu, “Program Sekolah Bitara” melalui penjenamaan “Cilik Mak Yong” telah dibentuk. Beberapa perincian telah diusulkan melalui Program Sekolah Bitara, dengan mempertingkatkan kemahiran kinestetik para pelajar melalui aspek tarian, manakala pengukuhan kemahiran auditorik para pelajar pula melalui aspek nyanyian. Ini berorientasikan untuk membantu mencungkil dan seterusnya mengasah bakat para pelajar. Selain itu, makalah ini mengambil kira disiplin yang terkandung didalam seni persembahan Teater Tradisional Mak Yong untuk menerapkan daya tumpuan yang terarah dan sekaligus merangsang minat para pelajar. Kesimpulannya, berdasarkan pengalaman pemerhatian terhadap persembahan Teater Tradisional Mak Yong, secara tidak langsung memperkenalkan ia kepada pelajar dan sejurus itu merangsang minat mereka. Selain itu, melalui bahan bergambar, tayangan video, edaran bercetak dan perkongsian bahan pembacaan telah membantu pemahaman pelajar tentang kesenian ini. Akhir sekali, melibatkan sepenuhnya para pelajar dengan persembahan Teater Tradisional Mak Yong yang dipersembahkan oleh para pelajar sendiri tanpa bantuan profesional. Berdasarkan pengalaman berkenaan dapatlah mengasah bakat mereka. Kaedah yang diterapkan ini akhirnya akan mewujudkan minat pelajar dan mengkomersialkan bakat yang mereka miliki.

**Kata kunci:** Cilik Mak Yong; kemahiran kinestetik; kemahiran auditorik

## ABSTRACT

*This paper is a survey on whether primary school students have interest and talent in Mak Yong Traditional Theater performances? This question is often used as a wall to preserve Mak Yong Traditional Theater performances. Therefore the "Bitara School Program" through the branding of "Cilik Mak Yong" was formed. Some details have been proposed through the Bitara School Program, by improving the kinesthetic skills of the students through aspects of dance. While strengthening the auditory skills of the students through the aspect of singing. This is oriented to help unearth and further hone the talents of the students. In addition, this paper takes into account the discipline contained in the performing arts of Mak Yong Traditional Theater to apply directed concentration and at the same time stimulate the students' interest. In conclusion, based on the experience of observing the Mak Yong Traditional Theater performance, indirectly introduced it to the students and immediately stimulated their interest. In addition, through photo materials, video screenings, printed handouts and sharing of reading materials have helped students' understanding of this art. Finally, fully involve the students with the Mak Yong Traditional Theater performance performed by the students themselves without professional help. Based on the experience, they can hone their talents. This applied method will eventually create students' interest and commercialize the talent they have.*

**Keywords:** *Cilik Mak Yong; kinesthetic skills; auditory skills*

## PENGENALAN

Dalam konteks kajian ini, pelajar yang terpilih untuk Program Sekolah Bitara, anjuran Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Proton City dan Bahagian Akademik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, bukan sekadar pemilihan untuk memberikan mereka ilmu tambahan, malah minat mereka terhadap kesenian dititikberatkan. Ini supaya mereka mempunyai sikap yang tulen. Dalam proses mereka berkarya kelak tidak berlaku kecelaruan minda dan rasa. Mereka dapat mengerti pemaknaan dan sebab setiap aturan yang di salurkan terhadap mereka. Tidak mustahil ada dikalangan mereka mulai bosan, namun melalui aturan latihan yang berbentuk *mimesis* membolehkan mereka menepis perasaan negatif itu. Bahkan akhirnya bakat yang terpendam mampu mengalirkan satu persembahan yang tulen.

Justeru itu, bagi meleraikan fenomena kecelaruan tentang minat pelajar, disini merujuk kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Proton City, terhadap teater tradisional boleh dikenal pasti dalam kajian ini. Akhirnya, bakat mereka akan ditampilkan sehingga memunculkan suatu presentasi atau stail persembahan milik mereka terutamanya berkaitan dengan teater tradisional.

## SOROTAN LITERATUR

Pada era globalisasi ini persembahan Teater Tradisional khususnya Mak Yong tidak lagi mendapat tempat dihati kebanyakan pelajar. Ironiknya mereka lebih menyukai persembahan moden atau kontemporari, kerana mereka menganggap persembahan Teater Tradisional Mak Yong kuno, membosankan dan tiada nilai komersial.

Perkara ini turut disokong melalui artikel Tuan Adnan & Che Yaacob (2023) dengan pernyataan bahawa, "*cerita rakyat merupakan salah satu kesusasteraan Melayu yang disampaikan oleh penduduk pribumi. Ia dikembangkan melalui penyampaian secara lisan daripada satu generasi ke generasi yang lain.*" Selain itu menurut Mohamad Hanafiah & Che Yaacob (2022), *sastera rakyat merupakan sebuah karya kreatif disampaikan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu khususnya golongan desa dan petani untuk dijadikan sebagai hiburan dan juga pendidikan kepada masyarakat setempat. Terdapat segelintir masyarakat zaman kini yang menganggap sastera rakyat adalah sesuatu yang asing dan dianggap khayalan semata-mata.*

Sebenarnya, jika dilihat secara mendalam banyak kelebihan yang terkandung didalam persembahan Teater Tradisional Mak Yong yang dapat membentuk jati diri mereka. Antaranya menerapkan terapi diri, membentuk nilai-nilai kreativiti, mengembangkan kecerdasan kinestik serta mempertingkatkan kemahiran auditorik. Kemelut yang dihadapi oleh mereka tentang manfaat serta kelebihan Teater Tradisional Mak Yong terhadap kehidupan mereka, harus dipandang serius. Amat rugi

sekiranya Mak Yong yang diiktiraf oleh UNESCO sebagai satu-satunya warisan dunia milik rakyat Malaysia, tidak diteruskan kepada generasi muda.

Kemungkinan juga kemelut ini berterusan kerana tiada tindakan pembangunan kesedaran tentang manfaat serta kelebihan Teater Tradisional Mak Yong di kalangan pelajar sekolah. Suatu program yang dilaksanakan secara komprehensif perlu dilaksanakan segera untuk mencungkil bakat generasi muda sebagai pelapis tokoh-tokoh dalam Teater Tradisional Mak Yong.

Seandainya tokoh-tokoh Teater Tradisional Mak Yong tidak berganti maka berkuranglah mereka yang dapat melestarikan kesenian tradisi ini hingga tahap yang berprestij tinggi. Walhal sekiranya penghayatan tentang Teater Tradisional Mak Yong diperluaskan bukan sahaja dapat membantu mempertingkatkan kemunduran pendidikan tidak formal malah ianya juga membantu menjana ekonomi negara. Dewasa ini kajian mengenai Teater Tradisional Mak Yong telah banyak dijalankan. Dalam meneliti kajian mengenainya, tidak ditemui kajian ilmiah yang meneliti Mak Yong dari sudut perkaitannya dengan pelajar sekolah rendah. Hal ini disusuli juga dengan tumpuan kajian ini untuk meninjau bagaimana sebuah program pendidikan boleh membantu hebahan informasi tentang Teater Tradisional Mak Yong terhadap yang tidak mengenali langsung kesenian ini.

Tiada juga suatu penulisan yang membabitkan kefahaman pelajar sekolah rendah tentang Teater Tradisional Mak Yong. Kesemua persoalan tersebut dibangkitkan serta perlu dianalisis dengan mengenal pasti terlebih dahulu minat dan kecenderungan pelajar terpilih. Menurut Amran (1991), kepentingannya bukan milik seseorang secara mutlak tetapi ianya membantu ramai pihak. Beliau juga menyatakan,

*“Sebagaimana yang berlaku di beberapa negara seperti Thailand, Jepun, Korea, Taiwan Indonesia dan juga China. Ini menunjukkan kesenian tradisi bukan sahaja diangkat untuk keuntungan individu tetapi dilestarikan untuk membantu generasi pelapis untuk lebih mengenalinya.”*

Jelas juga ada negara ini menunjukkan sekolah seni mereka setiap masa memartabatkan seni pentas tradisional. Misalnya, di Kyoto University of Arts and Design, iaitu terdapat sebuah panggung kabuki yang khusus dan semua maklumat tentang kabuki disimpan dalam bentuk visual dan cetak. Mereka juga mengadakan studio khusus serta kelas drama Noh dan kabuki yang diajar secara bersemuka oleh Adiguru mereka, manakala di Korea ada Pusat Seni Pentas Tradisional bersebelahan Panggung Negara mereka.

Kesimpulannya, melalui justifikasi ini dapatlah mengembangkan bakat yang mungkin terpendam oleh perasaan malu, tidak memahami atau mengenali kesenian teater tradisional ini. Kesemua persoalan ini dibangkitkan atas alasan mewakili tanggungjawab kepada kesenian tradisional.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dimana data-data kajian dikumpul melalui temu bual, penelitian dokumen dan pemerhatian. Pengkaji menggunakan bahan-bahan dari sumber kepustakaan seperti buku-buku, tesis sarjana, keratan akhbar, majalah, koleksi kertas-kertas pembentangan, seminar dan jurnal-jurnal yang berkaitan serta pengumpulan data melalui laman-laman web yang dibangunkan oleh pihak-pihak yang mempunyai kaitan dan kepentingan dengan kesenian tradisional.

Pengkaji melakukan beberapa temu bual berstruktur untuk memperolehi maklumat. Sumber-sumber ini sangat berguna untuk menjejak sejarah, asal-usul, individu dan kumpulan yang pernah melakukan persembahan tradisional ini. Kajian lapangan ini turut melibatkan proses temubual mendalam bersama sarjana, adiguru, penggiat, pegawai kerajaan dan orang perseorangan dalam bidang seni persembahan tradisional.

Pengkaji menyediakan soalan-soalan terbuka dan soalan-soalan separa struktur ketika menjalankan temubual. Setelah itu beberapa pendekatan di aplikasikan untuk mengukuhkan lagi penyelidikan melalui penafsiran dan analisis.


## CILIK MAK YONG

Benyamin S. Bloom, seorang pendidik di Universiti Chicago, Amerika Syarikat (Diktentis, 2003:1), mengutarakan bahawa masa emas (golden age) pertumbuhan sel dan jaringan otak pada kanak-kanak adalah sekitar usia 0 - 8 tahun. Pembelajaran pada usia berkenaan harus dirancang agar kanak-kanak tidak merasa terbebani kerana kanak-kanak merupakan individu yang unik dan istimewa.

Pengajaran dan pembelajaran perlu terarah pada pengembangan emosi dan intelektual, bakat serta minat mereka. Maka seharusnya pembelajaran tentang kesenian tradisional Mak Yong dimulai pada usia yang disarankan supaya dapat merangsang serta menggalakkan minat dan bakat kanak-kanak cilik ini. Sekitar tahun 2000, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan dan Tunggal Sayangku Enterprise berjaya melestarikan Teater Tradisional Mak Yong kanak-kanak melalui pementasan Mak Yong “Dewa Pencil”. Mereka menerima sokongan daripada Seniman Negara Hamzah Awang Amat yang bertindak sebagai penasihat muzik manakala Seniwati Negara Khatijah Awang bertindak sebagai penasihat lakon.

Mak Yong “Dewa Pencil” yang ditulis serta digarap oleh Azaha Othman di pentaskan pada 8 hingga 11 Oktober 2000 setiap 8.30 malam yang bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Produksi berkenaan melibatkan seramai 40 orang kanak-kanak yang berusia antara 7 hingga 16 tahun.

Selain usaha dan sokongan yang disebutkan sebelum ini terdapat sebuah lagi kumpulan Cilik Mak Yong iaitu Kumpulan Putri Ratna Mas. Kumpulan ini terdiri daripada pelajar yang berusia 9 hingga 17 tahun. Mereka merupakan gabungan pelajar Sekolah Kebangsaan Long Ghafar dan juga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar. Kedua-dua sekolah ini terletak di Kota Bharu, Kelantan.



**Foto 1**  
Poster Mak Yong Raja Pencil



**Foto 2**  
Kumpulan Putri Ratna Mas



**Foto 3**  
Keratan Akhbar Persembahan Mak Yong Raja Pencil


## SEKOLAH BITARA

Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menjalankan program Sekolah Bitara UPSI bermula pada tahun 2009 dengan melibatkan beberapa buah sekolah rendah dan menengah sekitar daerah Batang Padang, daerah Hulu Selangor, daerah Hilir Perak, daerah Hulu Kangsar dan daerah Jempol mengikut bidang tumpuan pilihan masing-masing. Bermula pada tahun 2012 Sekolah Kebangsaan Proton City (daerah Batang Padang) menetapkan untuk memilih seni persembahan sebagai bidang tumpuan. Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI dipertanggungjawabkan untuk menyelia sekolah ini berdasarkan kepakaran yang ada. Sejalan dengan itu, UPSI melalui Fakulti Muzik dan Seni Persembahan berhasrat memberikan ruang dan peluang kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Proton City untuk mendalami ilmu serta disiplin seni persembahan terutamanya mengenai Teater Tradisional Mak Yong bagi membantu mempertingkatkan kemahiran auditorik dan kemahiran kinestetik mereka. Gabungan dua medium kemahiran ini membantu merangsang kognitif, afektif dan psikomotor pelajar tersebut agar lebih aktif dan kreatif.

Berdasarkan artikel “Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu”, penulis ada menyatakan bahawa “*Membaca dan menulis merupakan dua kemahiran yang dapat menentukan sama ada seseorang itu boleh membaca dan menulis dengan baik ataupun tidak. Hal ini tidak sama dengan kemahiran lisan (mendengar dan bertutur). Kemahiran lisan tidak boleh mengukur seseorangitu sudah menguasai kemahiran membaca dan menulisataupun tidak.Oleh yang demikian, kemahiran membaca dan menulis perlu dikuasai, di samping kemahiran lisan.*”

## KEMAHIRAN AUDITORIK

Kemahiran auditorik merujuk kepada kemahiran belajar dengan cara mendengar. Kemahiran ini membantu pelajar SK Proton City untuk menguasai pengawalan *volume*, nada, tempo dan ritma. Terdapat dua peringkat yang perlu dilalui oleh setiap pelajar untuk mencapai perkembangan kemahiran auditorik yang positif seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.



**Rajah 1**  
Peringkat dalam perkembangan kemahiran auditorik

Kedua-dua peringkat ini adalah *Auditory Expressive Language Development* dan *Auditory Receptive Language Development*. Justeru itu, strategi penekanan terhadap kemahiran auditorik ini digunakan sebagai metodologi bagi membantu merangsang pendengaran dan pertuturan pelajar SK Proton City. Oleh itu, dengan menekankan kemahiran ini dapat mempermudah mereka turut serta sepanjang latihan yang banyak melibatkan bunyi seperti nyanyian dan ucapan tetap di Jadual 1 hingga 3.

**Jadual 1** Contoh Nyanyian Pak Yong dalam mengadap rebab

Bung wei ... membalik tipo ... gak  
Dage ... membue ... silolah cik wei ...  
Dage ... membue ...s ilolah cik wei ...  
Ayo .. lah tue wei ...  
Ee ... ee .. eeeee

**Jadual 2** Contoh Nyanyian Jung Donde dalam mengadap rebab

Ee ..... eeeee ... donde donde di dondeee ....  
Donde donde ... di dondeee gak ...  
Ayo.... lah tue wei ...  
Ee ee ..... eeeee

**Jadual 3** Contoh Ucapan Tetap oleh Anak Raja Bongsu dalam cerita Raja Tangkai Hati

Mako iyolah aku Malim Bisnu,  
Baiklah sini tempa' aku nok semoh bondo aku lah pulok nyo,  
Sa .....

## KEMAHIRAN KINESTETIK

Kemahiran kinestetik pula merujuk kepada kemahiran seperti lakonan dan tarian. Melalui ini pelajar SK Proton City dapat menguasai lakonan secara improvisasi serta menghayati gerak tari dengan lebih teratur kerana ianya berkaitan dengan kemampuan menggunakan gerak seluruh tubuh. Kemahiran kinestetik pelajar SK Proton City dapat dikenal pasti meliputi; koordinasi mata dengan tangan, koordinasi mata dengan kaki, keterampilan lokomotor, keterampilan non-lokomotor serta mengawal dan mengatur tubuh ketika melalui latihan-latihan gerak tari dan lakonan Mak Yong seperti di foto 4.

Kemampuan dan kemahiran kinestetik yang telah dikenal pasti berupaya menggalakkan kemampuan pelajar SK Proton City menggerakkan anggota tubuh terutama ketika melakonkan watak,



berkemampuan mengatur keseimbangan tubuh apabila menggerakkan tarian yang di pelajari dan juga mampu mengatur kelenturan tubuh sebagai satu aspek penting semasa menguasai persembahan Mak Yong.



**Foto 4**

Latihan dan persiapan pelajar SK Proton City untuk persembahan

## KESIMPULAN

Kajian ini dijangka memberikan kepentingan terhadap aspek yang berikut, iaitu (i) melestarikan kesenian teater tradisional dalam masyarakat moden di negara ini dengan wujudnya penulisan ilmiah sebegini. Malah dapat signifikan yang sangat besar dalam agenda pelestarian kesenian tradisional di negara ini, (ii) hasil kajian turut membantu memberikan pendedahan mengenai pendekatan dan sistem sebagai subjek pendidikan secara formal untuk melahirkan pelapis yang dapat menggantikan tokoh kesenian tradisi yang jumlahnya semakin mengecil sekarang ini, (iii) kajian turut dapat membuktikan kewujudan UPSI sebagai diantara sebuah pusat yang khusus untuk membina pelapis dalam bidang kesenian tradisional.

Maka, sebagai permulaan ditumpukan kepada Mak Yong. Gagasan ini membawa makna yang besar dalam konteks pemuliharaan dan pemeliharaan seni tradisi dengan mencipta pelapis yang sehebat dan tinggi pemikiran bagi meneruskan kesenian tradisi ini dan (iv) hasil kajian dapat melahirkan keberkesanan sistem, kesungguhan individu dan matlamat yang jelas sebagai faktor yang menyumbang kepada proses melahirkan seniman.

## RUJUKAN

- Ghulam Sarwar Yousof. (1994). *Dictionary of Traditional South-East Asian Theatre*. Singapura: Oxford University Press.
- Ghulam Sarwar Yousof. (2004). *The Encyclopedia of Malaysia, Performing Arts, Volume 8*. Singapura: Archipelago Press.
- Ghulam Sarwar Yousof.(1992). *Panggung Semar.Aspects of Traditional Malay Theatre*. Petaling Jaya. Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Ghulam Sarwar Yousof. (1997). *Angin Wayang: A Biography of a Master Puppeteer*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Hakim. (2000). *Traditional Literature of Asean*. Brunei Darussalam: Asia Printers.
- Hartati, S. (2005). *Perkembangan Belajar pada Anak Usia Dini*. Depdiknas Dirjen Dikti: Jakarta
- Hurlock, Elizabeth B. (1996). *Psikologi Perkembangan*. Jakarta: Erlangga.

- Krishen Jit. (1986). *Membesar Bersama Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, J. R. (ed.) (1996). *Magical Religion and Modern Witchcraft*. State University of New York Press.
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). *Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Mohamad Hanafiah, M. N. A.-H., & Che Yaacob, M. F. (2022). *Sastera Rakyat sebagai medium didaktik kepada golongan desa*. PENDETA, 13(1), 103-114. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.9.2022>
- Mohd Taib Osman. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Selangor: Dawama Sdn.Bhd.
- Mustafa Mohd Isa. (1987). *Awang Belanga: Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Mohd Isa. (1984). *Penglipur Lara Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Normahdiah Sheik Said, Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Kaedah Ber cerita yang mengasyikkan dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah. Dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan ASWARA*, 10-11 Ogos 2009.
- Nik Safiah Karim, Wan Abdul Kadir Yusoff. (1985). *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu umpulan Esei*. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim. (1967). *Meninjau Beberapa Aspek Fonologi Loghat Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Farouk Bajunik (1989). *Pengantar Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Othman Bin Daya. (2006). *Tradisi Lisan Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- P Boris, Siti Aishah Mat Ali, (1997). *Cerita Penglipurlara Dari Segi Puitika Sejarahan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Rahmah Bujang. (1989). *Seni Persembahan Bangsawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Bujang. (1994). *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safari. (2001). *Teater dalam demokrasi demokrasi dalam teater*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2023). Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita rakyat : The Common Sense of the Malays through Folk Stories. PENDETA, 14(2), 56-70. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.5.2023>